



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

#### SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA MINGGU EPIDEMIOLOGI 41 (06 OKTOBER 2024 – 12 OKTOBER 2024)

---

Pada Minggu Epidemiologi ke-41 tahun 2024, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 1,624 kes berbanding 1,639 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat satu (1) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-41 tahun 2024.


Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-41 adalah sebanyak 106,773 kes berbanding 94,181 kes bagi tempoh sama tahun 2023. Manakala terdapat 96 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 67 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2023.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-41 adalah sebanyak 38 lokaliti berbanding 35 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 38 lokaliti yang dilaporkan, 22 lokaliti di Selangor, lima (5) lokaliti di Negeri Sembilan empat, (4) lokaliti di Pulau Pinang, dua (2) lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, dua (2) lokaliti di Sabah, satu (1) lokaliti di Pahang, satu (1) lokaliti di Perak dan satu (1) lokaliti di Kelantan.


Bagi surveyan chikungunya, terdapat dua (2) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-41. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 80 kes. Tiada wabak chikungunya dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-41. Bagi surveyan zika, sebanyak 2,125 sampel darah, 12 sampel urin dan tiga (3) sampel cairan serebrospinal telah dijalankan saringan zika dan keputusan adalah negatif.

Kejadian banjir termasuk banjir kilat yang terjadi di beberapa negeri boleh meningkatkan risiko penularan demam denggi. Ini kerana selepas berlakunya banjir, banyak sampah sarap serta bekas-bekas hanyut terdampar di persekitaran yang mana ia berpotensi untuk menjadi tempat pembiakan nyamuk *Aedes*. Oleh itu, orang ramai dinasihatkan untuk segera membersihkan dan melupuskan bekas-bekas ini sejurus setelah banjir surut. Lupuskan barang-barang yang tidak digunakan di tempat yang telah ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT). Di samping itu bahan pembunuhan jentik-jentik juga boleh digunakan di tempat-tempat air bertakung yang tidak boleh dilupuskan. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN  
KETUA PENGARAH KESIHATAN  
20 OKTOBER 2024**




**Gambarajah 1:** Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-41 & ke-40 tahun 2024



**Gambarajah 2:** Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-41 tahun 2024 dan tempoh sama tahun 2023



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2024 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-41), 2023 dan median 2019-2023**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-41 tahun 2024**